

Hari Sukan Negara Peringkat Sekolah 2024: Semangat Kesukuan Meriah di SJK(C) Chi Wen



Labuan, 18 November 2024 – Sempena sambutan Hari Sukan Negara 2024, sekolah SJKC Chi Wen telah menganjurkan acara khas Active Air Aerobic Dance bagi menggalakkan gaya hidup sihat dan aktif dalam kalangan warga sekolah.

Acara ini terbuka kepada semua, sama ada pelajar yang baru berjinak dengan sukan atau atlet yang berpengalaman. Melalui gabungan pergerakan dinamik dan muzik yang energik, program ini bukan sahaja menyeronokkan tetapi turut meningkatkan koordinasi fizikal serta kesihatan mental.

Setiap gerakan dan regangan yang dilakukan menjadi peluang untuk peserta menikmati keharmonian antara minda dan tubuh. Sambutan hangat daripada pelajar dan guru membuktikan bahawa sukan boleh menyatukan semua dengan cara yang menyeronokkan dan bermanfaat.

Acara ini dirasmikan oleh Guru Besar Pan Yee Ying , yang turut menekankan kepentingan sukan dalam membina nilai disiplin dan kerja berpasukan. Sempena sambutan ini, pihak sekolah juga menyeru semua pihak untuk terus menggalakkan pelajar kekal aktif dalam aktiviti fizikal sepanjang tahun.



Pengacara majlis membuat pengenalan kepada Hari Sukan Negara. (Kiri-Cikgu Nuridayu, Kanan-Cikgu Celine)



Cikgu Sofini Ag Kadir membimbing senaman aerobik bersama anak murid di atas pentas.



Suasana di dalam dewan semasa murid-murid membuat senaman aerobik bersama-sama.



Suasana di dalam dewan semasa murid-murid membuat senaman aerobik bersama-sama.



Suasana di dalam dewan semasa murid-murid membuat senaman aerobik bersama-sama.

Berita oleh : SJKC Chi Wen